

04 JUL 1996  
Annuar-Wawasan  
MASYARAKAT DESA RANCANG PELAN PEMBANGUNAN

TELUK INTAN, 4 Julai (Bernama) -- Masyarakat di kampung Desa Wawasan akan diberi mandat untuk merancang pelan induk pembangunan kampung masing-masing bagi mewujudkan masyarakat berdaya tahan dan berinisiatif.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa berkata pelan induk itu akan menjadi garis panduan bagi memudahkan mereka berhadapan dengan agensi kerajaan, pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Persiapan pelan induk pembangunan desa bukan sahaja akan dapat membantu sektor swasta tetapi juga akan membantu kementerian dengan membekalkan maklumat terkini berkaitan isu dan masalah sosio-ekonomi tempatan, kata beliau pada pelancaran program Desa Wawasan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Felcra Seberang Perak.

Annuar berkata penyampaian maklumat secara tepat dan cepat menjadi syarat awal kepada perancangan dan pelaksanaan program utama dalam transformasi desa wawasan kedua.

Transformasi kedua kawasan luar bandar akan berlaku menerusi masyarakat sendiri tanpa kawalan ketat agensi kerajaan dengan memberi kuasa kepada penduduk untuk menguruskan sumber pembangunan ekonomi ke tahap optimum, katanya.

Menurut Annuar, lebih 3,000 kampung akan diberi tumpuan melalui gerakan Desa Wawasan setiap tahun sehingga tahun 2000.

Mulai tahun ini, 642 kampung di seluruh negara akan diberi tumpuan. Dari jumlah itu, 482 ialah kampung tradisional, 50 kampung Lembaga Kemajuan Tanah, 70 kampung kawasan kemajuan wilayah dan 40 kampung daerah termiskin, katanya.

Gerakan Desa Wawasan yang bertujuan mengubah sikap penduduk desa melalui transformasi keduanya -- akan dipandu piagam yang mempunyai tujuh teras. Piagam itu turut dilancarkan Dr Mahathir hari ini.

Antara teras itu ialah penduduk berikrar menjadi insan cemerlang, mewujudkan desa yang teratur, bersih dan indah serta menggerakkan ekonomi desa yang dinamis dan berteknologi.

Annuar berkata pelancaran gerakan itu dibuat di Felcra Seberang Perak kerana kampung itu mempunyai beberapa ciri yang menepati inisiatif serta falsafah baru pembangunan desa.

Katanya, Felcra Seberang Perak didapati kompetitif dengan sektor industri dan daya produktiviti masyarakat kampung yang tinggi, menggunakan semua sumber ekonomi yang ada dengan lebih cekap tanpa menjejaskan alam sekitar.

Annuar berkata petani kecil mengendalikan sawah dan kebun secara kolektif melalui koperasi dan kreatif serta berminat mencuba teknik-teknik pertanian baru termasuk meneroka bidang hidroponik.

Industri kecil dan sederhananya telah dirancang di situ selain pembangunan pusat perusahaan dan perkhidmatan yang telah lama beroperasi, katanya.

Selain infrastruktur yang berkualiti, kampung itu mempunyai beberapa institusi sosial yang berupaya mempertingkatkan keupayaan manusia, kata Annuar.

Felcra Seberang Perak meliputi kawasan pembangunan 12,607 hektar termasuk 4,000 hektar estet padi, yang merupakan antara yang terbesar di Asean. -- BERNAMA

LAT NMO